

Varia



Oleh
**PROF. MADYA DR.
KHADIJAH MOHD
KHAMBALI**



MERDEKA! Merdeka!
Merdeka!
Laungan keramat itu yang bergema memenuhi ruang Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada tanggal 31 Ogos 1957 merupakan lambang jati diri rakyat Malaysia yang melestarikan jiwa merdeka, selain mewujudkan keharmonian dalam kalangan etnik Malaysia yang pelbagai.

Sambutan Hari Kemerdekaan merupakan simbol yang mencerminkan hati nurani rakyat Malaysia dalam menjalinkan semangat bekerjasama, pembentukan jati diri dan semangat toleransi yang tinggi.

Kita percaya, sejak laungan merdeka itu, rakyat Malaysia khususnya orang Melayu belum tercabut 'akar' keislamannya.

Tidak salah menoleh kepada sejarah untuk memperteguhkan asas pengukuhan tamadun dan peradaban bangsa.

Sejarah mengajar kita bahawa memutuskan diri dari akar budaya sendiri dan menerima budaya asing secara total tidak dapat menjadikan sesuatu bangsa itu kuat dan maju.

Justeru, rakyat Malaysia khususnya orang Melayu perlu sentiasa menonjolkan keberibadian yang kukuh



RAKYAT negara ini perlu sentiasa menonjolkan jati diri bangsa dalam setiap aspek kehidupan harian. - GAMBAR HIASAN

Membina jiwa merdeka bagi mencapai kemajuan

menonjolkan keperibadian yang kukuh dan berpijak kepada jati diri bangsa dan budaya Islam yang jitu dalam mengemudi negara.

Sehubungan itu, setiap daripada kita hendaklah teguh mempertahankan akar budaya tradisi sendiri.

Istilah budaya tidak terbatas kepada maksud seni dan hiburan semata-mata.

Realitinya, budaya merupakan suatu isu yang serius mencakupi bidang yang amat luas meliputi soal falsafah, pemikiran, ilmu, kesenian, artifak dan aspek-aspek cara hidup lainnya.

Namun, pengertian yang semakin sempit dan dangkal telah meletakkannya hanya sebagai satu istilah yang mengungkapkan soal kesenian dan hiburan.

Budaya memahamkan kita mengenai dasar-dasar kehidupan dan masa depan rakyat.

Dengan ungkapan lain, rakyat Malaysia yang diperbaharui komitmen keyakinan dan peradaban melalui proses transformasi manusiawi yang memberikan jiwa dan citra baharu.

Suatu revolusi budaya yang memberikan nilai-nilai dinamik dan sebuah revolusi intelektual yang mengakhiri zaman budaya tahyul dan memulakan tamadun dan peradaban ilmu.

Kita sedia maklum, ilmu pengetahuan mengenal Tuhan adalah paling tinggi dan teragung, apatah lagi dalam perspektif ilmu akidah Islam.

Hal ini kerana setiap individu yang mengimani Allah sebagai satu-satunya Tuhan yang Maha Esa memiliki jiwa merdeka yang mampu memajukan bangsanya.



LAUNGAN keramat merdeka oleh Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1957 adalah detik bersejarah negara yang perlu dikenang sepanjang masa oleh setiap anak Malaysia.

Pastinya bangsa yang bebas daripada jiwa perhambaan mampu menghasilkan cita-cita dan daya usaha tinggi untuk memajukan diri.

Dalam hal ini, Islam berjaya merombak pola daripada bentuk hubungan raja-dewa dan hamba kepada bentuk hubungan antara pemerintah yang terikat dengan nilai pemeliharaan dan keadilan serta rakyat yang terikat dengan kesetiaan.

Ini menggambarkan bahawa pemerintahan adalah berorientasikan tugas dan tanggungjawab, bukannya kemewahan dan hiburan.

Rakyat dilayan sebagai individu yang mempunyai hak dan harga diri.

Bertitik-tolak daripada ini juga, kita lihat rakyat Malaysia telah memanasifasikan jiwa merdeka dalam kebangkitan penentangan penjajahan seawal abad ke-16 menentang Portugis, Belanda dan Inggeris.

Perasaan cinta dan taat setia kepada tanah air serta ingin membebaskan negara daripada penjajahan ini dirujuk sebagai semangat kebangsaan dan ingin memastikan jiwa merdeka terus 'hidup'.

Ini kerana, tanpa jiwa merdeka, sesuatu bangsa itu tidak mampu mencipta kegemilangan dalam sejarahnya.

Hasrat menjadi negara serba maju hanya tinggal impian seandainya tidak

dimulakan ke arah pembinaan kualiti bangsa, termasuk kualiti jiwa merdeka.

Kita tidak nafikan, penjajahan turut meninggalkan kesan penjajahan hamba dalam kalangan segelintir rakyat yang masih mengagumi Barat sehingga sanggup menjalani gaya hidup ala Inggeris.

Bahkan, segelintir mereka turut terlalu bergantung kepada bangsa lain dalam mencapai kemajuan.

Justeru, setiap rakyat Malaysia wajar bersedia untuk membuang unsur jiwa hamba yang masih tersisa.

Untuk memungkinkan pertumbuhan jiwa merdeka, wajar diwujudkan iklim dan budaya bercirikan kebebasan, persamaan dan keadilan.

Ini merupakan nilai sejagat yang wujud dalam setiap ketamadunan bangsa dan agama dunia.

Unsur yang bersifat budaya feodalistik wajar ditinggalkan termasuklah pendewaan terhadap seseorang tokoh dengan upacara yang keterlaluan dan berlebihan dalam suasana yang menonjolkan perbezaan status feodalnya.

Ini bererti, kualiti jiwa merdeka mampu mewujudkan manusia madani dan adil serta mampu berkongsi bersama bangsa lain.

Ini bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang maju berteraskan nilai universal, kesejagatan ketamadunan dan budaya serta kesatuan.

PROF. MADYA DR. KHADIJAH MOHD KHAMBALI@HAMBALI bertugas di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.